

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

The Star mis4 Nation 2/7/2025 (Rabu)

Dzul: Amendments beefed up medical profession



PETALING JAYA: The enforcement of the Medical Regulations (Amendment) 2025 and Medical (Amendment) Act 2024 (Act A1729) came into force yesterday. Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*pic*) said this significant achievement is part of ongoing efforts to strengthen gov-

ernance, transparency and inclusiveness in the medical profession.

"The amendment to the Medical Regulations provides the necessary legal framework to implement the provisions of the amended Act.

"It creates a clear and consist-

ent path for the recognition and registration of specialists trained through the parallel pathway programme and local specialist training.

"The amendment clarifies the role and responsibilities of the Malaysian Medical Council in ensuring that all practitioners

with certain qualifications are assessed fairly and transparently," he said in a statement.

Dzulkefly also said the membership of the council have been strengthened to be more equitable in terms of its composition in accordance with the current status of the health workforce.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LAPORAN KHAS

laporan khas

Harian Metro M/s 2 Laporan Khas 21/7/2025 (Rabu)

SEMAGLUTIDE BUKAN 'UBAT KURUS'

*Suntikan bahan aktif untuk pesakit diabetes
dikesan disalah guna individu sihat demi kecantikan*

Oleh Nur Aisyah
Batrisyia Abd Razak dan
Syuhada Sukapelli
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Suntikan bahan aktif semaglutide untuk pesakit diabetes kini didapati popular sebagai ubat 'pantas' untuk menurunkan berat badan secara drastik.

Bahan itu pada asalnya untuk membantu mengawal paras gula pesakit diabetes jenis 2 namun ada individu sihat berani mencubanya selepas muncul testimoni di media sosial kononnya ia ubat kurus paling mujarab.

Seorang pengguna yang hanya mahu dikenali sebagai Maya, 32, berkata, dia mengalami kesan teruk akibat mengambil suntikan itu selama seminggu.

"Saya cuma nak kurus tapi saya tak sangka kesannya seteruk itu."

"Saya terpengaruh de-

ngan trend penggunaan bahan itu selepas melihatnya di media sosial kononnya suntikan itu berjaya menurunkan berat badan dengan cepat," katanya.

Menurutnya, ramai yang berkongsi di media sosial bagaimana bahan aktif semaglutide boleh membantu menurunkan berat badan.

"Jadi saya beli di farmasi luar negara sebab harganya sekitar RM400 tanpa sebarang surat rujukan daripada doktor. Saya cukup sendiri sebab ingatkan senang saja," katanya.

Namun, apa yang disangka mudah berubah menjadi pengalaman yang menyakitkan.

Hanya selepas satu suntikan, Maya mengalami kesan sampingan yang amat serius.

"Mula-mula saya muntah teruk. Saya pening sepanjang hari, tak larat buat apa-apa, rasa macam orang mengandung kena

'morning sickness'. Saya tak lalu nak makan langsung, cuma rasa haus yang melampau," katanya.

Disebabkan kesan sampingan yang tidak tertanggung, Maya akhirnya mengambil keputusan berhenti menggunakan ubat itu.

"Saya cuma ambil sekali itu saja. Saya tak sanggup nak tanggung lagi. Mungkin ubat ini tak sesuai dengan badan saya, atau mungkin memang tak patut saya ambil," katanya.

Maya mengakui bahawa dia tidak mendapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan bahan itu dan hanya membeli ubat itu di sebuah farmasi tanpa sebarang surat rujukan perubatan.

"Saya tahu silap saya tapi masa itu saya fikir nak kurus cepat. Bila tengok orang lain berjaya, kita pun rasa nak cuba tapi saya harap orang lain jangan

Mula-mula saya muntah teruk. Saya pening sepanjang hari, tak larat buat apa-apa, rasa macam orang mengandung kena 'morning sickness'. Saya tak lalu nak makan langsung, cuma rasa haus yang melampau"

Maya

ulang kesilapan saya," katanya.

Sementara itu, Julia, 38, berkata, dia sudah setahun menggunakan suntikan semaglutide atas saranan

doktor bagi merawat penyakit diabetes jenis 2 yang dialaminya.

Menurutnya, tujuan asal penggunaan ubat itu bukan semata-mata untuk kurus sebaliknya bagi menurunkan hemoglobin terglikosilasi (HbA1c) dalam darah sebagai penanda utama kawalan gula bagi pesakit diabetes.

"Saya mula dengan dos rendah 0.25mg, tiada apa-apa kesan. Bila naikan ke 0.5mg pun sama saja tapi bila naik ke 1mg barulah nampak kesan, berat mula turun cuma kesan sampingan memang teruk sangat," katanya.

Katanya, setiap kali makan walaupun sedikit, dia

akan mengalami gangguan pencernaan yang serius.

"Makan sedikit pun rasa nak membuang. Perut memang tak boleh terima makanan langsung, kadang-kadang sampai muntah, cirit-birit tak berhenti. Lama-kelamaan, berat saya sudah tak turun. Bila doktor cadang naikan dos, saya tolak sebab tahu saya tak sanggup tanggung semua itu," katanya.

Walaupun kesan penurunan berat badan sudah tidak sehebat awal penggunaan, Julia tetap meneruskan suntikan itu kerana kawalan gula dalam darahnya menjadi lebih baik.

"Saya terus guna sebab doktor kata ia bantu kawal diabetes saya. Sekarang, saya guna lebih kepada untuk cantikkan bacaan HbA1c. Tapi bila tak ambil suntikan ini, saya terus alami 'hypo' (hipoglikemia) teruk rasa macam gempa bumi dalam badan, pijak lantai pun tak rasa langsung," katanya.

Seorang lagi pengguna yang mahu dikenali sebagai Azila, 40, berkata, dia mula menggunakan suntikan semaglutide kerana mengalami kenaikan berat badan mendedak selepas

Trend jejas stok ubat di farmasi

Kuala Lumpur: Peningkatan populariti suntikan semaglutide sebagai kaedah penurunan berat badan mengakibatkan kekurangan bekalan bagi pesakit yang benar-benar memerlukannya.

Tinjauan Harian Metro di lima farmasi sekitar ibu kota mendapati ubat itu dijual dengan syarat pembeli mempunyai surat rujukan doktor yang sah.

Namun mereka mendakwa stok agak terhad kerana permintaan tinggi.

Ahli farmasi yang enggan dikenali berkata, pihaknya hanya menjual ubat itu kepada pesakit yang mengemukakan preskripsi daripada pakar perubatan.

"Ini ubat terkawal, kami tak boleh jual sewenang-wenangnya. Malah sekarang bekalan sangat terhad."

"Kadangkala stok hanya datang dua atau tiga kotak setiap minggu," katanya.

Seorang lagi ahli farmasi turut mengesahkan perkara sama malah menurutnya, bekalan agak terhad sejak beberapa setahun lalu.

"Stok sangat susah nak dapat. Ramai pesakit diabetes tetap bergantung pada ubat ini, tapi kami hanya dapat bekalan dalam jumlah kecil. Kadang-kadang stok sampai pun terus habis sebab ada senarai pelanggan tetap," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LAPORAN KHAS

HM M/S 3 Laporan Khas 2/7/2025 (Rabu)

RAMAI didapati terpengaruh dengan hasil perkongsian di media sosial bagaimana bahan aktif semaglutide boleh membantu menurunkan berat badan.

'Kalau salah guna, kesannya lebih memudaratkan'

Kuala Lumpur: Pakar kesihatan memberi amaran orang ramai tidak terpedaya dengan kesan 'ajaib' suntikan mengandungi bahan aktif semaglutide tanpa pemantauan profesional.

Pakar Endokrin dari Fakulti Perubatan, Hospital Al-Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Dr Rohana Abdul Ghani menegaskan bahawa ubat itu bukanlah untuk tujuan kosmetik.

"Ia bukan ubat magik untuk kurus, ia hanya sesuai untuk pesakit diabetes jenis 2 dan tidak sesuai digunakan oleh individu yang tiada diabetes," katanya.

Beliau memberi amaran mengenai kesan sampingan serius jika ubat itu digunakan secara tidak wajar antaranya muntah, cirit-birit, sembelit, sakit perut, pankreatitis, penglihatan kabur, paras gula terlalu rendah, masalah buah pinggang dan gangguan pada pundi hempedu.

"Setakat ini tiada peraturan mengawal penggunaan ubat ini dalam kalangan individu tanpa diabetes, jadi wujud kebimbangan jika ada pihak tidak bertaualiah menawarkan ubat untuk penurunan berat badan tanpa kawalan sewajarnya.

"Kita tidak mahu ada pengguna menganggap ia jalan mudah dan sanggup bayar mahal kerana mahu kurus dengan cepat sedangkan ubat ini bukan dicipta untuk itu," katanya.

Dr Rohana berkata, tiada jalan pintas untuk menurunkan berat badan secara drastik.

"Kunci kepada pengurusan berat badan tetap bergantung kepada perubahan gaya hidup dan pemakanan. Ubat hanya membantu jika digunakan dengan betul dan dalam situasi

yang tepat.

"Kalau salah guna, kesannya boleh lebih memudaratkan daripada membantu," katanya.

Sementara itu, Pakar Dietetik dari Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Barakatun Nisak Mohd Yusof berkata, penggunaan ubat itu dalam kalangan pesakit diabetes jenis 2 yang mengalami obesiti boleh memberi manfaat selagi ia berdasarkan indikasi klinikal dan dipantau secara ketat oleh pasukan kesihatan.

"Sebagai dietitian, saya menyokong penggunaan ubat ini sebagai sebahagian daripada rawatan multidisiplin untuk pesakit

"Pesakit berisiko mengalami kesan kehilangan otot, kekurangan tenaga"
Dr Rohana

diabetes jenis 2 yang juga mengalami obesiti, tetapi ia bukan jalan pintas. Keberkesanan jangka panjang sangat bergantung kepada perubahan gaya hidup dan pemakanan.

"Ubat ini mampu menekan selera makan namun tanpa bimbingan pemakanan yang betul, pesakit berisiko mengalami kesan negatif seperti kehilangan otot, kekurangan tenaga, zat besi, vitamin B12, kalsium dan lain-lain nutrien penting.

"Kami pastikan pesakit faham cara makan sihat, menyesuaikan pemakanan dengan kesan ubat, serta mengekalkan jisim otot semasa proses penurunan berat badan," katanya.

Walaupun ubat itu tidak menyebabkan gangguan makan secara langsung, beliau menjelaskan bahawa apabila pengambilan dihentikan, selera makan boleh melonjak semula secara mendadak.

"Justeru, pesakit perlu dididik dari awal agar perubahan gaya hidup kekal konsisten," katanya.

suntikan itu dan apabila merujuk kesan itu kepada doktor, dia memaklumkan setiap individu yang mengambil suntikan semaglutide akan mengalami kesan berbeza.

"Saya memang mahu menurunkan berat badan

dalam kadar segera. Mungkin selepas berat badan saya 50kg, baru saya berhenti. Saya juga dinasihatkan supaya menjaga pemakanan selepas mendapat berat badan idaman kerana ia boleh naik semula," katanya.

melahirkan anak bongsunya.

"Berat saya naik mendadak sehingga 91 kilogram (kg) dan penat nak bawa badan sendiri. Saya pilih suntikan semaglutide sebab ia nampak mudah dan murah berbanding rawatan lain.

"Saya kemudian ke sebuah klinik yang menawarkan perkhidmatan menurunkan berat badan. Saya mula dengan dos 0.25mg yang disyorkan doktor di situ," katanya.

Menurutnya, selepas dos pertama saja, berat badannya menurun 1.2 kg namun kesannya dirasakan agak luar biasa.

"Jantung saya berdebar, saya langsung tiada selera makan tapi saya teruskan sebab nampak hasilnya. Suntikan pertama saya ambil di klinik, tapi selepas itu saya cucuk sendiri di rumah," katanya.

Sehingga kini, berat Azila turun lebih enam kg dalam masa tiga bulan, namun perbelanjaannya untuk rawatan itu hampir mencecah RM4,000 dan semuanya dilakukan tanpa pemantauan doktor secara konsisten.

"Saya masih mengambil

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : BUSINESS

Sinara Harian m/s4 Nasional 2/7/2025 (Rabu)

Suami isteri didakwa palsukan dokumen tuntutan insurans

KUALA LUMPUR - Sepasang suami isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas satu pertuduhan memalsukan dokumen yang kononnya dikeluarkan sebuah pusat pakar mata bagi menuntut insurans.

Pengurus operasi sebuah syarikat swasta, M Prabakaran, 42, dan isterinya B Parimala, 36, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Azrul Darus.

Mengikut pertuduhan, mereka masing-masing didakwa memalsukan resit, invois dan *hospitalisation claim form* yang kononnya dikeluarkan sebuah pusat pakar mata dengan menggunakan

dokumen itu dalam sistem sebuah syarikat insurans bagi tujuan tuntutan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di syarikat insurans terbabit di Jalan Ampang di sini, antara 18 November 2020 hingga 25 Januari lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 465 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 471 kanun sama, yang memperuntukkan hukuman penjara boleh sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Shakira Aliana Alias memohon Prabakaran diikat jamin RM10,000 sementara isterinya RM15,000.

"Ia termasuk syarat tambahan, me-

nyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai," katanya.

Bagaimanapun, peguam, Selvaakumaran Subramaniam yang mewakili pasangan itu merayu kadar jaminan dikurangkan kerana kedua-dua tertuduh mempunyai seorang anak berumur tiga tahun serta ibu bapa yang uzur.

"Mereka memberi kerjasama baik sepanjang siasatan dijalankan," katanya.

Selepas mendengar permohonan terbabit, Hakim Azrul membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan sebutan kes pada 20 Ogos.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

BH m/s 14 Nas 2/7/2025 (Rabu)

Bekas pakar patologi kekal ke tali gantung

Putrajaya: Bekas pakar patologi tentera kekal ke tali gantung, manakala dua lagi lelaki masing-masing dipenjara 35 dan 40 tahun oleh Mahkamah Persekutuan semalam kerana membunuh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Anthony Kevin Morais yang mayatnya ditemukan dalam tong dram diisi konkrit, 10 tahun lalu.

Bekas pakar patologi itu ialah Kolonel Dr R Kunaseegaran, 62, manakala pemberi pinjaman wang, S Ravi Chandaran, 54, dipenjara 40 tahun dan S Nimalan, 32, dipenjara 35 tahun dan 12 sebatan.

Mahkamah sama turut memerintahkan tiga lagi lelaki iaitu R Dinishwaran, 33; A K Thinesh Kumar, 32; M Vishwanath, 35, dilepas dan dibebaskan serta-merta selepas mahkamah mendapati kekurangan bukti untuk mensabitkan pembabitkan mereka dalam pembunuhan itu.